

Faktor-Faktor Penyumbang dalam Pertimbangan Moral Pelajar Sekolah Agama

Contributing Factors in Moral Judgment among Islamic Religious School Students

MOHD ZAILANI MOHD YUSOFF

Universiti Utara Malaysia

Corresponding author: myzailani@uum.edu.my

ABSTRAK

Tujuan – Matlamat utama kajian ini adalah untuk meneroka maklumat-maklumat yang berkaitan dengan konsep pertimbangan moral dalam kalangan pelajar sekolah agama. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh dimensi kecenderungan kerohanian Islam dan dimensi sikap dan pegangan terhadap standard kelaziman sosial terhadap pertimbangan moral mengikut skema-skema yang ditetapkan.

Metodologi – Tiga alat ukur digunakan dalam kajian ini iaitu Ujian Skema Taakulan Akhlak (UPSTA), Soal Selidik Kecenderungan Kerohanian Islam (ISDQ) dan Ujian Sikap dan Pegangan Terhadap Standard Kelaziman Sosial (USPSK). Subjek kajian terdiri daripada 500 orang pelajar yang dibahagikan kepada jantina mengikut jenis sekolah menengah agama di negeri Kelantan yang dipilih secara rawak berstrata iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Maahad Muhammadi (MM), Maahad Tahfiz al-Quran/Sains (MTAQ/MTS), Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Swasta (SAS). Kajian tinjauan ini menggunakan kaedah kuantitatif berasaskan pendekatan kajian rentas (*Cross Sectional*). Data dikumpulkan daripada ketiga-tiga ujian di atas dan dianalisis dengan menggunakan analisis statistik regresi berganda *stepwise*.

Dapatan- Hasil kajian menunjukkan bahawa dimensi kepercayaan dan keimanan berperanan sebagai pengaruh yang kuat dalam pertimbangan moral pelajar sekolah menengah agama. Dapatan juga

menunjukkan dimensi kepercayaan dan keimanan, dimensi intrinsik dan dimensi ekstrinsik dalam aspek kecenderungan kerohanian Islam memberi pengaruh yang signifikan ($R^2 = .47$, sig .00) terhadap pertimbangan moral pelajar sekolah agama. Namun dimensi hak asasi manusia di dalam pemboleh ubah sikap dan pegangan terhadap standard kelaziman sosial hanya menyumbang ($R^2 = .02$, sig .03) terhadap pertimbangan moral dalam kalangan pelajar sekolah agama di negeri Kelantan.

Kepentingan- Kajian ini menyediakan kefahaman baru kepada isu pertimbangan moral pelajar-pelajar sekolah menengah agama. Kecenderungan pelajar sekolah agama terhadap aspek kerohanian Islam memainkan peranan penting dalam menentukan kualiti pertimbangan moral mereka.

Kata kunci: Pertimbangan moral, sekolah agama, pelajar.

ABSTRACT

Purpose – The main objective of this study was to explore the concept of moral judgment among the students in religious schools. The study also sought to determine the influence of Islamic spiritual tendency, and attitudes and principles regarding social norm standards on moral judgments, in accordance with established schemes.

Methodology – Three measurements tools were used, namely *Ujian Skema Taakulan Akhlak (UPSTA)*, *Soal Selidik Kecenderungan Kerohanian Islam (ISDQ)* and *Ujian Sikap dan Pegangan Terhadap Standard Kelaziman Sosial (USPSK)*. Stratified random sampling was used to identify four Islamic religious schools in the state of Kelantan, Malaysia. 500 male and female students from these schools were chosen as the subjects of the study. This study used quantitative methods based on a cross-sectional approach. Data from the above mentioned tests and questionnaires were analyzed using stepwise multiple regression.

Findings – The results showed that the belief and faith dimension serves as a powerful influence in the moral judgments of Islamic

religious school students. The findings also indicate that the belief and faith dimension, the intrinsic dimension, and the extrinsic dimension of the Islamic spiritual tendency had significant influence ($R^2 = .47$, sig .000) on the students' moral judgment. However, the human rights dimension of attitudes and beliefs regarding social norm standards only contributed ($R^2 = .02$, sig .03) to their moral judgments.

Significance – This study provides a new understanding of the issue of moral judgment among Islamic religious school students, showing that Islamic spirituality plays an important role in determining the quality of their moral judgment.

Keywords: Moral judgement, Islamic religious schools, student.

PENGENALAN

Keperluan terhadap pembentukan moral dan akhlak mulia semakin mendesak ekoran masalah-masalah sosial yang timbul selari dengan perkembangan ekonomi dan kepesatan kemajuan dunia. Bermula dengan masalah disiplin pelajar di peringkat sekolah sehinggalah jenayah kolar putih dalam kalangan golongan yang berpendidikan tinggi seperti pecah amanah, rasuah dan penipuan. Fenomena negatif seumpama ini perlu dibendung dari peringkat awal lagi. Semua ini dapat ditangani dengan adanya kesepaduan di antara ilmu dan pembentukan moral dan akhlak yang mulia melalui pendidikan di dalam diri para pelajar. Sistem pendidikan di Malaysia mempunyai matlamat yang jelas iaitu melahirkan insan kamil dan bangsa cemerlang. Kenyataan ini dapat dilihat melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) iaitu;

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab

dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001: II).

Falsafah pendidikan boleh diertikan sebagai pedoman, arah tuju atau pandangan terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan pendidikan. Falsafah pendidikan digubal daripada usaha berfikir yang rasional dan kritis, berlandaskan daripada ideologi negara sebagaimana yang telah dimanifestasikan dalam Laporan dan Dasar Pendidikan, termasuk Rukun Negara. Di samping itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggubal satu dasar yang dikenali sebagai Dasar Pendidikan Kebangsaan bagi memenuhi aspirasi negara Malaysia untuk mengatasi krisis/masalah yang dihadapi oleh masyarakat dan negara. Sementara Falsafah Pendidikan Islam pula menjelaskan bahawa pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat (Pusat perkembangan Kurikulum, 2001). Oleh yang demikian, pendidikan adalah proses bagi menyesuaikan perkembangan diri manusia dari segi jasmani, aqli, kebebasan dan perasaan manusia terhadap Tuhan sebagaimana ternyata dalam alam aqliyah, perasaan dan kemahuan manusia. Hakikatnya, pendidikan merupakan satu proses yang penting dalam membentuk insan yang cemerlang, bukan sahaja dari aspek akademik malah meliputi pembentukan sahsiah diri individu yang mantap ke arah mencapai kesempurnaan hidup baik di dunia mahu pun di akhirat. Tanpa pendidikan, perkembangan agama, bangsa dan negara akan terbantut, sekali gus memperlahankan pencapaian matlamat yang telah digariskan oleh pihak kerajaan.

PERKEMBANGAN MORAL

Perkembangan moral memberikan tumpuan kepada karektor moral, sikap terhadap peraturan moral dan pertimbangan moral

(Bailey,1979). Perbincangan dalam kajian ini menjelaskan berhubung dengan perkembangan moral konvensional yang dipelopori oleh sarjana barat dan perkembangan moral Islam yang dikembangkan berdasarkan kepada ajaran Islam.

Perkembangan Moral Konvensional

Menurut Downey dan Kelley (1978), oleh kerana istilah perkembangan memberi satu gambaran yang menunjukkan satu perubahan yang progresif ke tahap yang lebih kompleks yang tidak boleh diterbalikkan, maka perkembangan moral membayangkan mengenai perkara yang dianggapkan matang dari segi moral. Terdapat beberapa perspektif atau teori perkembangan moral yang membawa implikasi terhadap pendidikan moral. Antara perspektif perkembangan moral ini adalah seperti yang berikut:

(i) Perspektif Perkembangan Moral Kognitif

Teori perkembangan moral kognitif menyatakan bahawa perubahan dalam pertimbangan moral adalah berstruktur menerusi sistem berperingkat mengikut perkembangan dan kematangan intelek atau kognitif seseorang individu. Hal ini dapat dilihat melalui Jadual 1 iaitu:

Jadual 1.1

Skema Kohlberg (1987)

Tahap	Peringkat
Prakonvensional	(a) Orientasi dendaan dan kepatuhan (kesan-kesan fizikal menentukan perkara yang baik dan yang jahat)
	(b) Orientasi instrumental relativis (perkara yang memuaskan keperluan diri sendiri adalah lebih baik)
Konvensional	(c) Orientasi persetujuan antara individu (perkara yang menyenangkan atau membantu orang lain adalah baik)
	(d) Orientasi undang-undang dan peraturan (memelihara sosial order, melaksanakan tugas atau tanggungjawab adalah baik)

(sambungan)

Tahap	Peringkat
Pascakonvensional	(e) Orientasi <i>contract-legalistic</i> sosial (nilai yang dipersetujui masyarakat, termasuk hak-hak individu atau peraturan untuk mencapai persetujuan, menentukan perkara yang benar) (f) Orientasi prinsip etika sejagat (perkara yang benar adalah suara batin yang harmoni dengan prinsip sejagat iaitu keadilan)

(ii) Perspektif Psikoanalisis atau Personaliti

Psikoanalisis atau personaliti (sahsiah) memberi gambaran bahawa kecenderungan atau *impulse* yang tidak rasional mesti dikawal melalui kawalan atau larangan sosial. Hal ini bermaksud agen yang menetapkan kawalan sosial harus campur tangan dalam memperkenalkan batasan dan keselarasan tingkah laku yang rasional. Contohnya, Teori Freud yang menyatakan bahawa perkembangan moral adalah perkembangan personaliti atau sahsiah kanak-kanak dalam *super ego*. *Super ego* ini merupakan agensi atau mekanisme yang mengeluarkan peraturan moral yang dihayati oleh seorang kanak-kanak. Peraturan moral ini diperoleh daripada piawaian yang ditetapkan oleh orang dewasa yang berdekatan dengan kanak-kanak tersebut. Peraturan moral ini kemudian akan mengawal dorongan (*impulse*) *id* iaitu bahagian pemikiran dan sahsiah diri yang tidak disedari oleh seseorang itu.

(iii) Perspektif Pembelajaran Sosial atau Behaviourisme

Pembelajaran sosial atau behaviourisme menyatakan bahawa pembelajaran moral adalah tingkah laku sosial yang dipelajari (*socially learned behaviour*). Tingkah laku moral boleh dibentuk menerusi tiga cara iaitu pengajaran secara langsung serta teladan dan imitasi (ibu bapa dan orang lain yang penting dalam kehidupan individu itu) kemudian dikekalkan menerusi ganjaran dan penegasan yang positif (seperti pujian, senyuman, hadiah atau perhatian) atau hukuman dan penegasan yang negatif (seperti marah, mengurung, memberhentikan hak-hak istimewa dan tidak memberikan kasih sayang).

(iv) Perspektif Integratif dalam Perkembangan Moral

Perspektif integratif dalam perkembangan moral mempunyai pandangan bahawa perkembangan moral adalah menyeluruh dalam

perkembangan karakter. Contohnya, dalam Model *Four Component of Acting Morally* oleh Narvaez dan Rest (1995, m.s 386) dinyatakan bahawa perlakuan moral adalah menerusi empat proses psikologikal dalaman seperti yang berikut:

- (a) Sensitiviti moral yang melibatkan penerimaan dalam sistem sensori perseptual terhadap situasi sosial dan interpretasi situasi tersebut dari segi tindakan yang boleh diambil, siapa dan kesan setiap tindakan serta reaksi pihak yang terlibat terhadap tindakan yang mungkin diambil.
- (b) Pertimbangan moral yang melibatkan keputusan tentang tindakan mana yang paling bermoral. Seseorang individu akan mempertimbangkan setiap pilihan dan menentukan alternatif terbaik yang patut diambil dalam sesuatu situasi.
- (c) Motivasi moral yang membawa implikasi apabila seseorang individu akan memberi keutamaan kepada sesuatu nilai moral berbanding nilai yang lain dan berniat untuk memenuhinya.
- (d) Pelaksanaan yang menggabungkan kekuatan ego dengan kemahiran sosial dan psikologikal yang diperlukan untuk melaksanakan tindakan yang dipilih.

Kesimpulannya, kesemua perspektif atau teori perkembangan moral yang diberikan di atas walaupun bertentangan dari aspek pertumbuhan dan perkembangan moral, namun sebenarnya saling melengkapi antara satu sama lain (Downey & Kelly, 1978). Lickhona (1980) menjelaskan perkembangan moral meliputi tiga rangkaian pertumbuhan moral yang saling berkaitan iaitu perkembangan pemikiran moral, perkembangan perasaan moral dan perkembangan tingkah laku moral. Perkembangan dalam pemikiran moral, perasaan moral dan tingkah laku moral akan membawa perubahan yang progresif ke arah kematangan moral.

Perkembangan Moral Islam

Secara umum, pembentukan moral Islam bermatlamat untuk memperoleh keredhaan Allah SWT., kejayaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat. Al-Ghazali (1998:183) mengakui kebahagiaan (*al-Sa'adah*) sebagai kebaikan tertinggi yang menjadi matlamat akhir setiap Muslim yang berakhlak. Segala yang dilakukan untuk memperoleh keredhaan Allah SWT. dan juga mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat sebagaimana sabda Rasulullah SAW.:

Daripada Abi Hurairah r.a. katanya, Rasulullah SAW telah ditanya tentang ciri manusia yang paling banyak masuk syurga. Baginda bersabda: Bertaqwa kepada Allah dan berakhlak mulia.

(Hadis Riwayat al-Tirmidzi)

Manusia adalah sebaik-baik makhluk yang dicipta oleh Allah sebagai khalifah di muka bumi ini untuk mentadbir sekalian alam dengan melakukan suruhan dan meninggalkan larangan-Nya. Manusia dijadikan subjek utama oleh teori psikologi kontemporari kepada suatu kedudukan yang dimanipulasikan oleh kesan persekitaran, pemboleh ubah atau faktor yang tersembunyi dalam anggota tubuh iaitu hati. Menurut Skinner (1971) ahli psikologi konvensional melihat manusia sebagai objek fizikal yang materialistik apabila perlakuannya adalah berdasarkan ganjaran kepada kedua-dua pemboleh ubah fizikal dan spekulatif. Beliau menjelaskan seseorang tidak boleh membuat spekulasi untuk menjelaskan sesuatu perlakuan individu kecuali pakar psikologi sahaja untuk menguji kejujuran dan kebenaran. Namun, segala dakwaan spekulasi dijadikan bahan analisis yang spekulatif. Andaian ini telah menyebabkan masyarakat melihat moral sebagai *byproduct* budaya dalam persekitaran tertentu sehingga melupakan Allah sebagai Tuhan. Kenyataan ini bertentangan dengan ketetapan Islam dalam penciptaan manusia yang mempunyai tujuan-tujuan tertentu sepertimana yang ditetapkan oleh Allah. Hal ini kerana Allah berfirman:

Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembah-Ku.

(Surah Adz-Dzaariyaat 51:56)

Hasil daripada kekurangan spiritual dalam teori konvensional perkembangan moral, maka moral menjadi tidak lengkap dan penghalang kepada persekitaran. Oleh itu, idea konvensional ini meletakkan masyarakat dan perlakuannya dalam keadaan relativisme moral. Keadaan ini mengakibatkan berlakunya kekurangan di mana kebanyakan bentuk perlakuan moral dilihat sebagai sebahagian daripada budaya Islam. Sesetengah perlakuan ini akan bercanggah dengan kedudukan spiritual manusia sebagai

Muslim dan makhluk yang dijadikan khalifah yang paling berkebolehan di dunia ini. Hal ini kerana manusia diiktiraf oleh Tuhan kerana ia merupakan makhluk yang paling cerdik berasaskan akal dan karisma spiritualnya. Pembentukan dan pelaksanaan moral Islam secara konsisten dapat melahirkan individu-individu yang berkualiti, berakhlak dan mempunyai jati diri Islam. Gabungan individu-individu ini seterusnya membentuk sebuah masyarakat yang sejahtera yang dapat melahirkan rahmat kepada seluruh alam (*rahmah li-al-a'lamin*). Dengan demikian, peranan sebagai agen pembangunan bersepadu, pendukung nilai-nilai Islam, pembentuk tamadun yang berasaskan integrasi antara ilmu, iman dan amal, pemimpin dan juga pejuang kepentingan umat Islam dapat direalisasikan (Mohd Kamal Hassan, 1998).

Lewin (1935) menjelaskan bahawa moral merupakan asas kepada kehidupan manusia. Sementara aspek biologi manusia pula menyediakan tenaga yang merangsang dan membantu perlakuan moral. Namun, hal ini tidak mengambil kira konsep moral dan prosedur kawalannya. Idea bahawa moral dijana oleh keseronokan pengalaman seseorang adalah tidak berasas. Sebagai contoh keputusan SPM yang baik tidak dapat menjamin seseorang itu untuk mendapat biasiswa daripada pihak kerajaan Malaysia.

Menurut Islam, moral merupakan proses interaksi dan tingkah laku manusia dengan persekitaran. Menurut Lemu (1979), moral melibatkan halangan dan pertimbangan pada kehendak tertentu dalam kehidupan secara serta merta. Hal ini berlaku kerana kehendak manusia merupakan nafsu yang dipengaruhi oleh id dalam diri mereka. Oleh itu, Allah SWT menjanjikan nikmat berkekalan kepada sesiapa yang dapat mengasingkan jiwa mereka daripada nafsu atau pengaruh id dalam kehidupan. Ini dinyatakan dalam al-Quran iaitu:

Dan adapun orang-orang yang takut kepada kebesaran Tuhan-Nya dan menahan diri dari keinginan hawa nafsunya. Maka sesungguhnya syurgalah tempat tinggalnya.

(Surah *an-Naazi'at* 79:40-41)

Ayat di atas menunjukkan wujudnya sifat humanistik manusia ketika berhadapan dengan persekitaran. Menurut al-Quran, segala

hasil tindakan manusia akan memberi impak (pahala atau dosa) kepada kehidupannya. Lantaran itu, konsep moral Islam lebih mementingkan kepada aspek hubungan antara Allah, manusia dan makhluk-makhluk yang diciptakan oleh Allah. Hal ini dijelaskan pula di dalam surah *al-Zalzalah* iaitu:

*Barangsiapa yang mengerjakan kebaikan seberat
zarah pun, nescaya dia akan mendapat balasannya.
Dan barangsiapa yang mengerjakan kejahatan seberat
zarah pun, nescaya dia akan mendapat balasannya.*

(Surah *az-Zalzalah* 99:7-8)


Ayat di atas adalah sebahagian daripada teras moral yang perlu ditekankan oleh seseorang manusia di dunia ini. Seseorang manusia mestilah menjadikan aspek spiritual sebagai satu dasar dalam membuat keputusan semasa berhadapan dengan persekitaran. Allah berfirman di dalam surah *al-An'aam* iaitu :

*Orang-orang yang beriman dan tidak mencampur
adukkan iman mereka dengan kezaliman (syirik), mereka
itulah orang-orang yang mendapat keamanan dan
mereka itu adalah orang-orang yang mendapat petunjuk.*

(Surah *al-An'aam* 6:82)

Musa Garba Maitafsir (1999) menjelaskan pendekatan spiritual Islam dalam menghuraikan operasi paradigma moral Islam yang menjadikan Allah sebagai pencipta dalam kehidupan manusia. Hal ini dapat dilihat seperti dalam Rajah 1.

Menurut Islam pendekatan spiritual berasaskan psikologi adalah suatu aspek pengubahsuaian perlakuan yang berdasarkan hubungan antara manusia dan Allah yang menunjukkan operasi paradigma moral Islam. Konsep Iman yang ditetapkan oleh Allah dijadikan sebagai fokus utama. Iman adalah alat kepada pembentukan kognitif dan moral yang mengumpul semua data dan fakta dalam perspektif yang berbeza sama ada betul atau salah. Hal ini menunjukkan bahawa wujudnya ketauhidan Allah dan penglibatan iman yang bertindak sebagai terapi untuk mengalih/buang masalah mental dalam diri manusia.



Islam menjelaskan bahawa moral tidak hanya berdasarkan kepada umum, persekitaran, budaya, dan keluarga seperti yang dinyatakan oleh ahli psikologi moden tetapi juga pada kesedaran spiritual seseorang. Hal ini mendorong manusia untuk menyebarkan tanggungjawab kepada manusia lain dan membawa dirinya mengikut kesesuaian dan ketetapan Allah SWT. Menurut Mohd Nakhaie Ahmad (1998), pembinaan akhlak yang mulia berdasarkan konsep moral Islam adalah melibatkan peranan, hati, akal dan pancaindera yang dibentuk dengan nilai-nilai syariat yang ditetapkan oleh Allah. Hal ini akan mewujudkan sifat muslim yang beriman, bertakwa, jujur, ikhlas dan mencintai kebenaran kepada Allah SWT.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian tentang penaakulan moral dalam kalangan orang Melayu mula mendapat perhatian para pengkaji di Malaysia. Justifikasi pemilihan kajian terhadap orang Melayu adalah berdasarkan kepada masyarakat Melayu yang merupakan masyarakat yang dominan di Malaysia. Malah kes-kes jenayah dan salah laku dalam kalangan orang Melayu terus meningkat dari tahun ke tahun berbanding dengan bangsa Cina dan India. Di samping itu, kajian ini juga

lebih menumpukan kepada pengaruh hubungan antara pemikiran Islam dengan proses kognitif dalam membuat pertimbangan moral kerana majoriti orang Melayu di Malaysia beragama Islam. Oleh itu, kajian-kajian yang dilakukan ialah untuk mengenal pasti corak pemikiran orang Melayu berdasarkan kepercayaan dan pemahaman yang terkandung dalam ajaran Islam. Sehingga kini kajian yang berkaitan dengan perkembangan moral dalam kalangan pelajar sekolah agama di Malaysia belum lagi dilakukan dan kajian seperti ini masih baru. Namun, ekoran daripada krisis moral yang melanda para pelajar sekolah khususnya pelajar sekolah agama, maka kajian untuk mengenal pasti corak penaaakuan, pemikiran dan pertimbangan moral dalam kalangan pelajar sekolah agama perlu dilakukan. Kewajaran kajian seperti ini adalah untuk mendapatkan maklumat tentang sejauh mana proses kognitif yang melibatkan moral dan akhlak pelajar sekolah agama dalam membuat sesuatu pertimbangan moral.

Keruntuhan Pelajar Sekolah di Malaysia

Isu masalah keruntuhan moral dalam kalangan pelajar merupakan topik yang hangat diperkatakan pada masa kini. Hal ini disebabkan oleh tahap disiplin pelajar yang semakin merosot dari tahun ke tahun. Jika dibandingkan dengan pelajar terdahulu, ia bagaikan langit dan bumi. Sejak beberapa tahun yang lalu, masyarakat heboh memperkatakan tentang segelintir pelajar sekolah yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah, pecah rumah, ponteng sekolah, budaya lepak, gengsterisme, vandalisme, bakar kereta guru, lari dari rumah dan lain-lain (Chin Pek Lian, 2005). Mereka dianggap sebagai golongan yang semakin hilang rasa hormat terhadap golongan tua, guru dan masyarakat serta lebih bersikap materialistik dan individualistik (Saedah Siraj, 2002). Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) melaporkan terdapat 35 kes kematian yang membabitkan pelajar akibat masalah disiplin, bagaimanapun tiada tindakan yang diambil untuk mengatasinya (*Utusan Malaysia*, 1 April 2004).

Keruntuhan Pelajar Sekolah Agama di Malaysia

Gejala keruntuhan moral dalam kalangan pelajar ini juga melibatkan pelajar-pelajar dari kalangan sekolah agama, sedangkan sekolah yang beraliran agama merupakan sekolah yang mempunyai kurikulum yang berasaskan keagamaan. Sedangkan matlamat dan visi falsafah

kurikulum pendidikan Islam adalah untuk melahirkan insan yang kamil dan beramal soleh. Falsafah Pendidikan Islam di Malaysia jelas menunjukkan bahawa ia berusaha melahirkan individu soleh, seterusnya membentuk warganegara yang beriman dan beramal soleh. FPI juga berusaha ke arah membina insan yang seimbang dari segi material dan spiritual. Jika dilihat dari aspek matlamat dan visi Falsafah Pendidikan Islam ini, tidak wajar bagi pelajar sekolah agama melakukan tindakan yang tidak bermoral diluar jangkauan pemikiran, namun realitinya adalah berbeza. Rentetan kejadian kes-kes masalah disiplin berat yang melibatkan pelajar sekolah agama di Malaysia dapat dilihat dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2

Rentetan Kes Disiplin Berat yang Melibatkan Pelajar Sekolah Agama

No	Sumber / Tarikh	Kes Pelajar Sekolah Agama
1	Utusan Malaysia / 3 September 2003 mukasurat 1	Kes Nor Faisaffal Abu Bakar, 15 Tahun daripada Sek. Men. Agama Izzuddin Shah, Perak dilaporkan mengalami kecederaan di bibir, mata dan badan setelah dibuli oleh pelajar senior selama dua tahun.
2	Utusan Malaysia / 12 November 2003 mukasurat 1	Kes enam pelajar Sek. Islam Lukmanul Hakiem Ulu Tiram, Johor telah ditangkap kerana dikenal pasti sebagai sebahagian daripada kader-kader Jemaah Islamiyah (JI). Mereka ditangkap oleh pihak polis sewaktu mahu berlepas ke Pakistan bagi menjalani latihan sebagai pelapis militan JI.
3	Mingguan Malaysia / 28 Mac 2004 Mukasurat 1-2	Kes Muhammad Farid Ibrahim daripada Sek. Men. Agama (SMA) Dato' Kelana Petra Maamor, Ampangan Seremban, Negeri Sembilan telah dibunuh oleh lapan pelajar di dalam kawasan asrama sekolah.
4	Utusan Malaysia / 5 Januari 2008 mukasurat 7	Kes seorang pelajar perempuan sekolah Maahad Ahmadi Tanah Merah Kelantan telah mencekik ibunya yang enggan menyerahkan sejumlah wang yang diperlukan. Beliau telah ditangkap oleh pihak polis dan dihantar ke Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk dibawa ke Pusat Pemulihan Akhlak.

Walaupun kes-kes masalah disiplin berat dalam kalangan pelajar sekolah agama yang dilaporkan di atas amat sedikit, namun ia perlu diberikan perhatian yang serius. Perbuatan-perbuatan sebegini seolah-olah tidak mencerminkan diri mereka sebagai seorang pelajar sekolah agama yang diterapkan dengan nilai-nilai agama melalui kurikulum pendidikan Islam. Pelajar sekolah agama juga telah diterapkan dengan pengetahuan agama melalui proses pembelajaran dan pengalaman di sekolah. Sepatutnya aspek kekuatan pengetahuan agama dalam kalangan pelajar sekolah agama adalah menjadi tunjang utama dalam perkembangan moral dan jati diri pelajar tersebut. Hal ini dapat dilihat melalui kes kesalahan/disiplin pelajar sekolah agama di Kelantan yang dilaporkan semakin meningkat dari setahun ke setahun. Malah pelajar-pelajar sekolah agama di negeri Kelantan seolah-olah semakin berani melakukan perbuatan dan tingkah laku yang melampaui batas.

Di samping itu, usaha-usaha untuk menangani masalah ini melalui kajian-kajian tertentu masih belum dilakukan oleh pihak-pihak berwajib. Hal ini menunjukkan bahawa persoalan yang sering ditimbulkan oleh masyarakat ialah apakah pendidikan Islam “*gagal*” atau “*masih belum dapat*” memberikan didikan yang sempurna kepada pelajar? Apakah kurikulum pendidikan Islam yang diberikan kepada pelajar masih belum mencukupi? Dan adakah kurikulum pendidikan Islam sudah cukup bersedia untuk membina generasi muda dalam mengharungi era globalisasi ini? Persoalan ini masih menjadi tanda tanya apabila dikaitkan dengan keruntuhan moral pelajar khususnya pelajar sekolah agama.

Menurut Intan Suraya Halim dan Tamrin (1995), cabaran utama sistem pendidikan dan pembelajaran di negara ini khususnya pendidikan Islam ialah untuk menyediakan perkhidmatan pendidikan cemerlang bagi menghasilkan pelajar yang berpotensi dan berilmu pengetahuan serta beramal soleh. Hal ini kerana konsep al-Din yang diterapkan dalam falsafah dan pemikiran Islam sebagai cara hidup yang menyeluruh sudah semestinya memberi gambaran dan tatacara yang berkesan kepada kehidupan masyarakat. Oleh itu, sudah menjadi tugas dan tanggungjawab pihak sekolah untuk merealisasikan hasrat kerajaan bagi melahirkan generasi pelajar yang cemerlang dan seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Muhammad Qutb (1987) menjelaskan bahawa matlamat akhir kurikulum pendidikan Islam ialah untuk melahirkan ‘manusia yang soleh’ dalam erti kata kemanusiaan yang sebenarnya iaitu jasmani, rohani, emosi dan intelek dan ‘yang soleh’ pula

dalam erti kata al-Quran dan as-Sunnah. Bagi beliau kurikulum pendidikan Islam ialah satu-satunya kurikulum yang ada di atas muka bumi ini yang mendidik manusia secara seimbang iaitu tidak menekankan kepada kekuatan intelek sahaja, tetapi juga kepada kekuatan-kekuatan yang lain yang ada dalam diri manusia. Hal ini adalah kerana kurikulum pendidikan Islam itu dapat menghuraikan manusia itu dari sudut kemanusiaan yang sebenar-benarnya.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif umum kajian yang dilakukan ini adalah bertujuan untuk mengesan pertimbangan moral dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama dengan mengambil kira pengaruh kecenderungan kerohanian Islam, sikap dan pegangan terhadap standard kelaziman sosial. Di samping itu, kajian ini juga secara tidak langsung menjelaskan pengaruh pelaksanaan kurikulum dan pengajaran dalam kurikulum Pendidikan Islam di sekolah menengah agama terhadap pertimbangan moral pelajar.

Objektif khusus kajian ini ialah:

- (i) Mengetahui pasti pengaruh yang signifikan dimensi kecenderungan kerohanian Islam terhadap pertimbangan moral pelajar sekolah agama.
- (ii) Mengetahui pasti pengaruh yang signifikan dimensi standard kelaziman sosial terhadap pertimbangan moral pelajar sekolah agama.

LITERATUR KAJIAN

Pertimbangan moral merupakan proses kognitif yang memerlukan seseorang membuat pertimbangan moral yang melibatkan bukan sahaja pertimbangan dalam sosial kognitif tetapi pertimbangan normatif yang melibatkan soal moral (Abdul Rahman Md. Aroff, 1999). Sementara penaaakuan moral pula adalah proses seseorang individu mencapai keputusan tentang sesuatu perkara yang patut dilakukan terhadap sesuatu dilema moral (Rest, 1986). Menurut Islam, pertimbangan moral adalah melibatkan persoalan ijtihad yang telah ditentukan dalam syariat Islam. Ijtihad adalah suatu

pertimbangan akal untuk membuat sesuatu keputusan apabila tidak ada sebarang petunjuk melalui al-Quran atau al-Hadith (al-Qardawi, 2002). Pertimbangan akal yang dimaksudkan oleh al-Qardawi (1992) ialah pertimbangan antara sesama *al-Masalih* (kebaikan), antara sesama *al-mafasid* (keburukan dan kerosakan) dan pertimbangan antara *al-masalih* dan *al-mafasid*. Oleh itu, pertimbangan moral dalam Islam merupakan proses penaakulan yang berpunca daripada kebebasan berfikir dan ketajaman akal fikiran (Aswati Hamzah, 2007).

Secara umumnya Kohlberg dan Colby (1987) dan Rest (1998b) merupakan ahli dalam kumpulan psikologi moral Kognitif. Menurut mereka penaakulan moral merupakan satu aktiviti kognitif yang berlaku pada peringkat mental. Penaakulan moral Kohlberg adalah berpaksikan kepada konsep keadilan moral (*justice*) yang lebih menitikberatkan aspek moraliti secara makro. Menurut Kohlberg lagi, penaakulan moral adalah bersifat autonomi iaitu ditentukan oleh perkembangan kognitif individu. Kohlberg menjelaskan bahawa penaakulan berlaku dan dapat digunakan semasa individu membuat pertimbangan moral. Ketika membuat pertimbangan moral, struktur fikiran yang berjaya digunakan untuk membuat pertimbangan akan menggantikan atau menggabungkan struktur-struktur yang terdahulu untuk berfungsi dengan lebih berkesan (Aswati Hamzah, 2007).

Kajian Perkembangan Moral Pelajar

Kajian yang paling berkesan berhubung dengan perkembangan moral pelajar adalah *How College Affects Students* yang dilakukan oleh Pascarella dan Terenzini (1991). Mereka melakukan kajian dan mensintesis selama 20 tahun tentang bagaimana kehadiran kolej atau sekolah memberi kesan terhadap penaakulan moral seseorang pelajar. Pascarella dan Terenzini (1991) telah mengenal pasti lebih daripada 50 kajian rentas (*cross-sectional*) dan kajian longitudinal yang berkaitan antara kehadiran kolej atau sekolah dengan pertimbangan moral pelajar. Mereka mendapati bahawa kajian tentang perkembangan moral pelajar kolej atau sekolah telah didominasi oleh pendekatan Kohlberg dan Rest. Tambahan pula, MJI dan DIT telah dijadikan instrumen yang paling penting dalam kajian ini (Pascarella & Terenzini, 1991; Pascarella, 1997).

Menurut Pascarella dan Terenzini (1991) yang membuat ulasan tentang perkembangan moral pelajar, peringkat umur bagi pelajar sekolah atau kolej memainkan peranan utama dalam memberi pengaruh kepada tahap penaakulan moral. Justeru,

sekiranya sekolah atau kolej mendorong kepada perkembangan moral pelajar, maka pelajar sepatutnya dapat menunjukkan peningkatan apabila mereka semakin maju dalam pelajaran. Jurang dalam penaakulan moral pada tahap pasca konvensional sepatutnya adalah lebih besar di antara lulusan sekolah atau kolej berbanding dengan pelajar yang tidak memasuki sekolah atau kolej. Institusi pendidikan seperti sekolah atau kolej dapat membangunkan pertimbangan moral pelajar secara realistik dengan menggalakkan pembangunan kognitif dan nilai pelajar (Nucci & Pascarella, 1987; Pascarella & Terenzini, 1991). Pascarella dan Terenzini (1991) juga telah membuat kesimpulan bahawa kajian rentas (*cross sectional*) yang menggunakan markah P (contoh: peratusan penaakulan moral seseorang yang terdapat pada tahap pasca konvensional) daripada DIT akan menunjukkan perubahan dalam perkembangan moral secara konsisten berdasarkan kepada umur dan pendidikan formal walaupun sampel yang digunakan terdiri daripada pelbagai negara dan budaya. Selain itu juga, kajian longitudinal yang menggunakan skor P dalam DIT menunjukkan bahawa perkembangan moral pelajar adalah lebih tinggi pada titik yang berlainan (contoh awal penggal (semester) dan akhir penggal (semester) berbanding mereka yang memasuki sekolah atau kolej (Pascarella & Terenzini, 1991). Kajian Narvaez, Getz, Rest dan Thoma (1999) merupakan satu kajian yang mengkaji hubungan antara pertimbangan moral dengan hak asasi manusia. Kajian ini menggunakan instrumen DIT, ideologi keagamaan (Brown & Lowe's, 1951), ideologi politik, orientasi agama dan sikap terhadap hak asasi manusia (ATRI)(Getz, 1985). Dapatan kajian mendapati bahawa ideologi politik dan agama digabungkan kepada satu faktor yang dikenali sebagai ideologi budaya. Rest, Narvaez, Thoma dan Bebeau (1999) pula mengulangi kajian yang telah dibuat oleh Narvaez et al.(1999) dalam satu percubaan untuk menghasilkan satu pengesahan terhadap DIT2 yang baru. Kajian ini melibatkan 200 responden daripada empat tahap pendidikan (pelajar gred 9, graduan senior, senior kolej dan graduan sekolah serta pelajar sekolah profesional) yang beragama Kristian telah melengkapkan kedua-dua DIT dan DIT2 serta pengukuran terhadap aspek keagamaan, ideologi politik dan sikap terhadap hak asasi manusia seperti yang digunakan oleh Narvaez et al.(1999). Hasil dapatan kajian menunjukkan model regresi berganda dengan DIT yang asal sebagai satu ukuran pertimbangan moral yang menghasilkan R berganda .58 ($df = 191$). Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa responden lebih konservatif terhadap aspek pertimbangan moral, ideologi keagamaan dan

sikap terhadap hak asasi manusia sepertimana yang dilakukan oleh Narvaez et al.(1999). Dapatan daripada literatur mendapati bahawa pertimbangan moral memainkan peranan penting sebagai satu elemen dalam mencorakkan kehidupan manusia. Setiap pemikiran, penaakulan dan pertimbangan yang terlibat akan menentukan segala tindakan moral seseorang individu. Perkembangan moral pelajar khususnya di sekolah banyak mempengaruhi keputusan pertimbangan moral mereka secara keseluruhan. Hal ini kerana sekolah sebagai institusi pendidikan awal berperanan dalam membangunkan moral pelajar. Menurut literatur, semakin dalam seseorang pelajar mendalami pengetahuan di sekolah, maka semakin tinggi tahap keputusan pertimbangan moralnya.


METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan yang berbentuk kuantitatif dengan menggunakan kajian rentas (*cross sectional*). Kajian ini menggunakan data yang dikumpul dari individu yang dipilih dalam satu tempoh masa tertentu (Gay & Airasian, 2006). Menerusi kajian ini, kajian rentas menggunakan data pelajar yang beraliran sekolah agama yang mana sampel terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan empat sahaja. Kajian ini menggunakan satu tempoh masa tertentu semasa pelajar membuat pertimbangan moral berdasarkan instrumen yang disediakan.

Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai medium utama bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan model kajian. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini adalah Ujian Pengecaman Skema Taakulan Akhlak (UPSTA)(Aswati Hamzah, 2007), Ujian Sikap dan Pegangan Standard Kelaziman Sosial (USPSK) (Aswati Hamzah, 2007) dan Soal Selidik Kecenderungan Kerohanian Islam (ISDQ)(Mohd Zailani Mohd Yusoff, 2009). Model kajian yang digunakan terdiri daripada dua komponen utama. Komponen pertama ialah pemboleh ubah bebas (*independent variable*) yang mengandungi soal selidik kecenderungan kerohanian Islam dan ujian sikap dan pegangan standard kelaziman sosial. Komponen kedua adalah pemboleh ubah bersandar (*dependent variable*) yang terdiri daripada pertimbangan moral yang diukur melalui Ujian Pengecaman Skema Taakulan Akhlak (UPSTA) yang mempunyai empat dimensi iaitu skema istiqamah, skema taqlid berpengetahuan, skema taqlid dan skema taqlid dekaden. Kriteria dimensi Skema Taakulan Akhlak adalah:

- (i) Skema istiqamah menunjukkan gabungan yang mantap dan selari antara ilmu, iman, amal dan ihsan dalam membentuk skema kecemerlangan akhlak dengan kehadiran bentuk-bentuk pemikiran akhlak Islam yang berpaksikan pada kewujudan Allah. Bentuk pemikiran yang dapat diteliti ialah menghindarkan balasan seksa di akhirat, bentuk kemanusiaan yang tinggi, dan bentuk konsep sendiri yang utuh dan jitu.
- (ii) Skema taqlid berpengetahuan dapat diteliti dari sudut keperluan minimum yang dapat memastikan seseorang itu memahami dan mempunyai akhlak. Mereka dapat membezakan sesuatu yang baik dan buruk. Mereka mampu melaksanakan perkara yang baik dan meninggalkan yang buruk kerana mereka mengetahui dengan jelas perihal sesuatu yang baik dan buruk (al-Ghazali, 1983). Ciri yang ada ini akan membawa seseorang untuk cenderung memilih salah satu dimensi sama ada kebaikan atau keburukan. Keadaan ini juga menggambarkan subjek ini mempunyai pengetahuan dan keyakinan terhadap ajaran Islam. Walau bagaimanapun, beliau masih lagi berpegang kepada pengetahuannya yang sedikit itu dan tidak meletakkan balasan mutlak dari Allah sebagai asas pemilihan.
- (iii) Skema taqlid menggambarkan golongan yang mengalami fenomena lubang biawak iaitu bertaqlid pada sesuatu pegangan tanpa usul periksa dan tidak berusaha untuk mengetahui kebenaran tentang kebaikan dan keburukan sesuatu perkara. Ciri ini menjelaskan fenomena individu yang mengikuti sesuatu ajaran atau pengetahuan berdasarkan pendapat orang lain. Sumber ikutan ini merangkumi sama ada pengetahuan yang benar dan mutlak atau sumber yang salah berdasarkan pemikiran logik yang sekular. Dalam taksonomi nilai, subjek berada pada peringkat faham tetapi kefahamannya diragui sama ada ia menepati anjuran syariat atau sebaliknya.
- (iv) Skema taqlid dekadensi adalah bercirikan penyusutan nilai akhlak iaitu menyusut daripada nilai yang ditetapkan oleh syariat dan melambangkan fenomena menanggukkan kebenaran atau tidak memilih kebenaran yang dianjurkan oleh syariat (Al-Ghazali, 1992). Skema ini juga mencerminkan pengaruh emosi yang tinggi dan kepentingan peribadi dalam membuat keputusan. Pengaruh pemikiran logik yang sekular juga dapat dilihat dengan jelas dalam skema ini.

Sampel dalam kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan empat di lima jenis sekolah yang beraliran agama iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Maahad Muhammadi, Maahad Tahfiz, Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Agama Swasta (SAS). Subjek kajian adalah terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah agama yang berada di tingkatan 4. Subjek kajian dipilih secara rawak (*random*) untuk memastikan pengkaji dapat mengenal pasti ciri-ciri khusus pertimbangan moral dalam kalangan pelajar sekolah agama yang menjadi fokus kajian. Pemilihan responden ini adalah berdasarkan kepada teori perkembangan moral Kohlberg (1977) yang menyatakan bahawa pelajar yang berumur 16 tahun berada dalam tahap konvensional. Teori penaakulan moral Piaget (1965) menyatakan bahawa pelajar yang berumur 16 tahun adalah bersifat autonomus moral iaitu sifat yang mengetahui peraturan dan sentiasa mematuhi peraturan tersebut. Piaget juga menyatakan bahawa pelajar yang berada dalam tahap ini membuat tindakan berdasarkan kehendak moralnya. Pemilihan sekolah dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada persampelan rawak berstratifikasi (*Stratified random sampling*). Kaedah persampelan stratifikasi dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada stratifikasi tidak proposional (*Stratified sampling non-proportional*). Pemilihan sampel pelajar sekolah agama di negeri Kelantan adalah seramai 500 orang pelajar. Rajah 2 menunjukkan pemilihan sampel pelajar sekolah agama di negeri Kelantan.



Kajian ini menggunakan statistik inferensi dengan melalui analisis regresi pelbagai untuk mengenal pasti perubahan atau pengaruh di dalam dimensi-dimensi kecenderungan kerohanian Islam dan

dimensi-dimensi sikap dan pegangan terhadap standard kelaziman sosial terhadap pertimbangan moral secara umum dan mengikut skema yang telah ditetapkan iaitu skema istiqamah, skema berpengetahuan, skema taqlid dan skema dekaden. Prosedur regresi pelbagai yang telah digunakan dalam analisis ini adalah prosedur penyelesaian stepwise.

DAPATAN KAJIAN

Analisis Regresi Berganda Pengaruh Dimensi Kecenderungan Kerohanian Islam terhadap Pertimbangan Moral

Analisis model regresi yang dijalankan mendapati bahawa terdapat tiga pemboleh ubah peramal bagi pemboleh ubah kriteria pertimbangan moral (i) kepercayaan dan keimanan, (ii) intrinsik dan (iii) ekstrinsik yang dimasukkan ke dalam model regresi pada $p \leq .05$. Korelasi antara pemboleh ubah kriteria dan pemboleh ubah peramal kepercayaan dan keimanan ialah .59, korelasi antara pemboleh ubah kriteria dan kombinasi antara kepercayaan dan keimanan dan intrinsik ialah .66. Korelasi antara pemboleh ubah kriteria dan kombinasi linear antara ketiga-tiga pemboleh ubah peramal ialah .68. Nilai R^2 sebanyak .35 menunjukkan bahawa 35% perubahan dalam pemboleh ubah kriteria (pertimbangan moral) adalah disebabkan oleh perubahan dalam kepercayaan dan keimanan. Kombinasi kepercayaan dan keimanan dan intrinsik menyumbang sebanyak (43.3-34.5)% iaitu 8.8% perubahan tambahan dalam pertimbangan moral. Dimensi ekstrinsik pula menyumbang kepada sebanyak 3.1% varians dalam pertimbangan moral. Kombinasi linear ketiga-tiga pemboleh ubah peramal tersebut menyumbang sebanyak 46.5% varians dalam pemboleh ubah kriteria pertimbangan moral.

Keputusan analisis data menunjukkan bahawa bagi populasi kajian (saiz sampel = 500), tiga pemboleh ubah peramal iaitu kepercayaan dan keimanan (Pemalar 1), intrinsik (Pemalar 2), dan ekstrinsik (Pemalar 3) merupakan peramal bagi pertimbangan moral. Hal ini menunjukkan keputusan kajian menerima andaian pengkaji bahawa dimensi-dimensi kecenderungan kerohanian Islam iaitu kepercayaan dan keimanan, intrinsik dan ekstrinsik merupakan peramal pertimbangan moral bagi pelajar-pelajar sekolah menengah agama di negeri Kelantan. Secara signifikan, skor kepercayaan dan keimanan [$F(1, 498) = 261.99, p < .05$] menyumbang sebanyak 35% varians ($R^2 = .35$) dalam pertimbangan moral. Hal ini bererti bahawa

kepercayaan dan keimanan ($\beta = .59, p < .05$) atau konsep ketauhidan ajaran Islam merupakan petunjuk utama yang menyebabkan pelajar sekolah menengah agama tersebut membuat pertimbangan moral. Kombinasi kepercayaan dan keimanan ($\beta = .51, p < .05$) dan intrinsik ($\beta = .31, p < .05$) menambah sebanyak (43.3-34.5)% atau 8.8% kepada varians ($R^2 = .43$) dalam pertimbangan moral [$F(2, 497) = 189.85, p < .05$]. Walau bagaimanapun, pemboleh ubah peramal A3 kurang menyumbang kepada perubahan dalam pertimbangan moral kerana kombinasi pemboleh ubah peramal A3 ($\beta = -.18, p < .05$) dengan A1 ($\beta = .56, p < .05$) dan A2 ($\beta = .31, p < .05$) hanya menambah sebanyak (46.5-43.3)% atau 3.1% varians ($R^2 = .47$) dalam pertimbangan moral [$F(3, 496) = 143.43, p < .05$]. Dapatan ini menunjukkan bahawa kecenderungan kerohanian Islam mempunyai pengaruh yang besar terhadap pertimbangan moral pelajar sekolah agama. Hal ini dapat dilihat melalui Jadual 3.

Jadual 3

Keputusan Analisis Regresi Berganda Pengaruh Dimensi Kecenderungan Kerohanian Islam Terhadap Pertimbangan Moral

Model	R	R ²	F	β	SE B	Beta	t	Sig
1 Pemalar (<i>Constant</i>)	.59(a)	.35	261.99	.09	.19		.45	.65
Kepercayaan & Keimanan				.78	.05	.59	16.19	.00*
2 Pemalar (<i>Constant</i>)	.66(b)	.43	189.85	-.42	.19		-2.20	.02
Kepercayaan & Keimanan				.69	.05	.51	14.78	.00*
Intrinsik				.25	.03	.31	8.80	.00*
3 Pemalar (<i>Constant</i>)	.68(c)	.47	143.43	.02	.20		.11	.91
Kepercayaan & Keimanan				.75	.05	.56	16.08	.00*
Intrinsik				.26	.03	.31	9.10	.00*
Ekstrinsik				-.15	.03	-.18	-5.40	.00*

* $p < .05$

Catatan :

- a Pemalar (1) – Kepercayaan dan Keimanan
- b Pemalar (2) – Kepercayaan dan Keimanan & Intrinsik
- c Pemalar (3) – Kepercayaan dan Keimanan, Intrinsik & Ekstrinsik
- d Pemboleh Ubah Bersandar (Kriteria) – Pertimbangan Moral

Analisis Regresi Berganda Pengaruh Dimensi Sikap dan Pegangan terhadap Standard Kelaziman Sosial terhadap Pertimbangan Moral

Analisis model regresi yang dijalankan mendapati bahawa hanya terdapat satu pemboleh ubah peramal bagi pemboleh ubah kriteria pertimbangan moral iaitu dimensi hak asasi manusia dimasukkan ke dalam model regresi pada $p < .05$. Ketiga-tiga pemboleh ubah peramal yang lain di dalam pemboleh ubah sikap dan pegangan terhadap standard kelaziman sosial iaitu adat resam, pendidikan dan politik tidak dapat dimasukkan kerana ketiga-tiga pemboleh ubah tersebut tidak menunjukkan nilai signifikan pada aras $p < .05$. Korelasi antara pemboleh ubah kriteria dan pemboleh ubah peramal hak asasi manusia ialah .13. Nilai R^2 sebanyak .02 menunjukkan bahawa 1.7% sahaja perubahan dalam pemboleh ubah kriteria (pertimbangan moral) adalah disebabkan oleh perubahan dalam hak asasi manusia.

Keputusan analisis data menunjukkan bahawa bagi populasi kajian (saiz sampel = 500), satu pemboleh ubah peramal iaitu hak asasi manusia (Pemalar 1) merupakan peramal bagi pertimbangan moral. Hal ini menunjukkan keputusan kajian mendapati dimensi sikap dan pegangan terhadap standard kelaziman sosial iaitu hak asasi manusia merupakan peramal pertimbangan moral bagi pelajar-pelajar sekolah menengah agama di negeri Kelantan. Walau bagaimanapun, keputusan kajian pula sebaliknya menolak dimensi adat resam, dimensi politik dan dimensi pendidikan merupakan peramal pertimbangan moral pelajar-pelajar sekolah menengah agama tersebut. Secara signifikan, skor hak asasi manusia [$F(1, 498) = 8.84, p < .05$] menyumbang sebanyak 1.7% varians ($R^2 = .02$) dalam pertimbangan moral. Hal ini bererti bahawa hak asasi manusia ($\beta = .10, p < .05$) merupakan petunjuk utama di dalam sikap dan pegangan terhadap standard kelaziman sosial yang menyebabkan pelajar sekolah menengah agama tersebut membuat pertimbangan moral. Walau bagaimanapun, pemboleh ubah peramal ini sedikit sahaja menyumbang kepada perubahan dalam pertimbangan moral iaitu dimensi hak asasi manusia.

PERBINCANGAN

Kajian-kajian yang melibatkan moral dan akhlak di Malaysia kurang diberi perhatian oleh para pengkaji dan penyelidik berhubung dengan konsep pertimbangan moral khususnya dalam kalangan pelajar

sekolah agama. Walaupun terdapat beberapa kajian yang berkaitan dengan nilai dan moral dalam kalangan pelajar telah dijalankan, namun kajian-kajian terdahulu seperti kajian Aswati Hamzah (2007) dan Jas Laile Suzana Jaafar. (1999) lebih menumpukan kepada pelajar-pelajar Melayu yang beragama Islam di sekolah tanpa memfokuskan kepada pelajar sekolah agama. Penggunaan konsep moral konvensional seperti yang diperkenalkan teori Kohlberg (1976) dan Rest (1979) yang melibatkan pelajar-pelajar Melayu beragama Islam telah memberikan maklumat-maklumat yang tidak tepat berhubung dengan nilai dan moral. Hal ini disebabkan oleh pemaknaan moral dan ruang lingkup taakulan moral tidak dicatatkan secara sistematik di samping terdapatnya kekurangan bukti-bukti empirikal yang dapat dijadikan rujukan.

Jadual 4

Keputusan Analisis Regresi Berganda Pengaruh Dimensi Sikap Dan Pegangan Terhadap Standard Kelaziman Sosial Terhadap Pertimbangan Moral

Model	R	R ²	F	β	SE B	Beta	t	Sig
1 Pemalar (<i>Constant</i>)	.13(a)	.02	8.84	2.81	.13		21.00	.00
Hak Asasi Manusia				.10	.03	.13	2.97	.03*

* $p < .05$

Catatan :

- a Pemalar (1) – Hak Asasi Manusia
 b Pemboleh Ubah Bersandar (Kriteria) – Pertimbangan Moral

Faktor kecenderungan kerohanian Islam dan sikap terhadap standard kelaziman sosial mempunyai pengaruh kepada pertimbangan moral pelajar. Dapatan kajian mendapati bahawa kecenderungan kerohanian Islam mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pertimbangan moral pelajar sekolah agama. Hal ini selari dengan dapatan kajian terdahulu oleh Ernsberger (1977) dan Ernsberger dan Manaster (1981) yang menjelaskan bahawa terdapat pengaruh yang kuat di antara faktor orientasi keagamaan dengan pertimbangan moral seseorang dalam sesuatu agama.

Hasil dapatan kajian melalui analisis regresi berganda menunjukkan bahawa ketiga-tiga dimensi kecenderungan kerohanian Islam iaitu dimensi kepercayaan dan keimanan, intrinsik dan

ekstrinsik mempunyai pengaruh terhadap pertimbangan moral pelajar sekolah agama ($R^2 = .47$). Hal ini menunjukkan konsep tauhid di dalam diri seseorang pelajar sekolah agama memberi kesan yang positif terhadap pertimbangan moral. Di samping itu, faktor intrinsik atau penghayatan keagamaan di dalam diri seseorang juga memberi kesan terhadap pertimbangan moral. Namun begitu, terdapat pengaruh negatif antara dimensi ekstrinsik ($\beta = -1.5$) dengan pertimbangan moral yang menjelaskan bahawa semakin tinggi dimensi ekstrinsik maka semakin kurang pertimbangan moral pelajar sekolah agama. Oleh itu, dapatan ini menjelaskan suatu fenomena yang baik iaitu kecenderungan kerohanian Islam tidak dipengaruhi oleh dimensi ekstrinsik. Hal ini kerana seseorang pelajar yang memiliki pengetahuan agama tidak seharusnya menjadikan aspek keduniaan sebagai pegangan utama di dalam kehidupan. Seseorang pelajar yang memiliki pengetahuan agama mesti menjadikan konsep al-Din sebagai asas kehidupannya.

Dapatan ini mencerminkan kedudukan seseorang pelajar sekolah agama sering dirujuk pada aspek pengetahuan keagamaan yang tinggi dan berakhlak mulia (Abdul Kadir Arifin, 2003). Akhlak dalam Islam bukan sahaja dikaitkan dengan kepatuhan kepada Allah SWT tetapi juga merangkumi aspek akal budi dan tingkah laku (Abdul Halim Mahmud, 1995). Hal ini kerana pertimbangan moral seseorang sangat dikaitkan dengan adab, budi dan tingkah laku. Setiap tingkah laku akan mencerminkan pertimbangan moral seseorang. Orang yang bermoral akan digelar sebagai orang yang beradab dalam pergaulan dan tingkah lakunya. Hasil analisis kajian juga turut membuktikan secara praktikal bahawa aspek penyucian jiwa, pembangunan insan dan penghayatan ibadah telah berjaya diterapkan dalam setiap aspek pendidikan akhlak di dalam kurikulum pendidikan Islam.

Sementara itu, faktor sikap dan pegangan terhadap standard kelaziman sosial juga memberi sedikit pengaruh terhadap pertimbangan moral pelajar. Hasil analisis dapatan kajian menunjukkan bahawa dimensi hak asasi manusia memberi pengaruh yang dominan terhadap pertimbangan moral pelajar sekolah agama. Hal ini menjelaskan bahawa pelajar sekolah agama mempunyai sikap dan pegangan terhadap idea-idea persamaan hak dalam lingkungan sosial, hidup bermasyarakat dan bernegara. Sikap ini adalah selari dengan perjuangan Islam yang meletakkan persamaan hak individu pada sisi Tuhan (Al-Ghazali, 1998). Menurut Al-Ghazali (1998) kekuatan keadilan berasaskan hak asasi manusia

dalam diri seseorang adalah amat perlu. Hal ini akan memberikan pengaruh pengekangan nafsu syahwat dan kemarahan di bawah bimbingan akal dan agama.

Kajian ini dijalankan berdasarkan kombinasi kerangka moral konvensional dan akhlak Islam dengan menggunakan konsep akhlak dan pendekatan psikologi Islam untuk menjelaskan pertimbangan moral pelajar sekolah agama. Penelitian mendalam yang dilakukan terhadap kurikulum Pendidikan Islam dalam pembinaan akhlak pelajar sekolah agama adalah bertujuan untuk menjelaskan implikasi kurikulum Pendidikan Islam terhadap pelajar sekolah agama berdasarkan pertimbangan moral. Pendekatan ini bertujuan memberi perspektif baru dalam bidang kajian moral dan akhlak untuk pelajar sekolah agama. Menerusi aspek pertimbangan moral pelajar terhadap implikasi kurikulum Pendidikan Islam, dapatan kajian menunjukkan bahawa pembinaan soal selidik kecenderungan kerohanian Islam memberi impak besar terhadap implikasi kurikulum Pendidikan Islam sebagai faktor penentu pertimbangan moral. Hasil dapatan kajian dapat dikaitkan dengan aspek kelemahan dan kekurangan dalam proses penerapan aspek pendidikan kerohanian terutamanya berkaitan dengan konsep *tazkiyah al-nafs* (penyucian jiwa) di dalam Pendidikan Akhlak. Hal ini ditunjukkan oleh dapatan bahawa aspek intrinsik di dalam kecenderungan kerohanian Islam tidak memberi pengaruh yang signifikan terhadap pertimbangan moral pelajar sekolah agama.

Nota Akhir

Kementerian Pendidikan Malaysia pada masa sekarang ini telah ditukarkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Halim Mahmud. (1995). *Islam dan akal* (Terjemahan oleh Mohd Fakhruddin Abd. Mukti). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Abdul Kadir Ariffin. (2003). *Kesan pendekatan pengalaman penghayatan Islam terhadap pemikiran peringkat tinggi di kalangan pelajar tingkatan dua* (Tesis ijazah doktor falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

- Abdul Rahman Md. Aroff. (1999). *Pendidikan moral, teori, etika dan amalan moral*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Al-Ghazali. (1983). *Timbangan amal menuju kebahagiaan akhirat* (Terjemahan oleh M. Ali Chasan Umar & A. Chumaidi Umar). Singapura: Pustaka Nasional.
- Al-Ghazali. (1992). *Akhlaq seorang muslim*. Kuala Lumpur: Victoria Agencies.
- Al-Ghazali. (1998). *Ihya ulum al-Din*. Jakarta: Penerbit Asli.
- Al-Qaradawi. (1992). *Awlawiyyat al-harakat al-Islamiyyah fi marhalah al-qadimah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Qaradawi. (14 September 2002). *Akhbar al-Sharq al-Qatariyyah*.
- Aswati Hamzah. (2007). *Satu kajian skema taakulan akhlak dalam kalangan pelajar Melayu* (Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Bailey, C. (1979). The notion of development and moral education. In D.B., Cochran, C.M. Hamm, & A.C. Kazapides, (Eds.), *The domain of moral education*. New York/Ramsey: Paulist Press.
- Brown, D. G., & Lowe, W. L. (1951). Religious beliefs and personality characteristics of college students. *Journal of Social Psychology*, 33, 103–129.
- Chin Pek Lian, et al. (15 Oktober 2005). Isu-isu masalah disiplin pelajar: pendekatan dan penyelesaian. *Seminar pendidikan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Downey, M. & Kelly, A.V. (1978). *Education: Theory and practice*. London: Harper and Row.
- Ernsberger, D. J. (1977). Intrinsic-extrinsic religious identification and level of moral development. *Dissertation abstracts international: Aection B: the sciences and engineering*, 37; 6302B.
- Ernsberger, D. J., & Manaster, G. J. (1981). Moral development, intrinsic/extrinsic religious orientation and denominational teachings. *Genetic Psychology Monographs*, 104;23–41.
- Gay, L. R., & Airasian, P. (2006). *Educational research*. Ohio: Pearson Merrill Prentice Hall.
- Getz, I. R. (1985). *Moral reasoning, religion and attitudes towards human rights* (Unpublished doctoral disertation). University of Minnesota, Minneapolis.
- Intan Suraya Halim, & Tamrin. (1995). *Membina diri dan jiwa anak-anak muslim: Mendidik anak-anak cara Islam*. Kuala Lumpur: Era Ilmu.

- Jas Laile Suzana Jaafar. (1999). *Flexibility in the moral reasoning of Malay teenagers and their parent*. (Unpublished doctoral dissertation). University of Lancaster, United Kingdom.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Sukatan pelajaran pendidikan moral*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kohlberg, L. (1976). Moral stages and moralization: The cognitive – development approach. In T. Lickhona (Ed.), *Moral development and behaviour theory, research and social issues*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Kohlberg, L., & Colby, A. (1987). *The measurement of moral judgement: Theoretical foundations and research validation, 1*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Kohlberg, L. (1977). The cognitive-development approach to moral education. In D. Rogers, *Issues in adolescent psychology* (p.p. 283-273). New Jersey: Prentice Hall.
- Lemu, A. (1979). *Islamic citizenship and moral responsibilities*. Minna: Islamic Education Trust.
- Lewin, K. (1935). *A dynamic theory of motivation: Its relevant for adult-adolescent relationship*. Ibadan: Unity Press Limited.
- Lickona, T. (1980). How parents and schools can work together to raise moral children. *Educational Leadership*, 45(8), 36–38.
- Mohd Nakhaie Ahmad. (1998). *Di bawah naungan Islam*. Kuala Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu.
- Mohd Zailani Mohd Yusoff. (2009). *Pertimbangan moral dalam kalangan pelajar sekolah agama*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Muhammad Qutb. (1987). *Manhaj al-tarbiyah al-Islamiah* (Jilid 2). Kaherah: Dar al-Syuruk.
- Musa Garba. (1999). *Islamic moral values consciousness among Hunsa and Yoruba adolescent student in goverment and muslim school in Lagos and Sokoto State Nigeria* (Unpublished doctoral dissertation). University Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Narvaez, D., Getz, I., Rest, J. R., & Thoma, S. J. (1999). Individual moral judgment and cultural ideologies. *Developmental Psychology*, 35, 478–488.
- Narvaez, D., & Rest, JR. (1995). The four components of acting morally. In W. Kurtines & J. Gewirtz (Eds.), *Moral behavior and moral development: An introduction* (pp. 385-400). New York: McGraw-Hill.

- Nucci, L., & Pascarella, E. T. (1987). The influence of college on moral development. In J. C. Samrt (Ed.), *Higher education: Handbook of theory and research 3*, 271-326.
- Pascarella, E. T., & Terenzini, P. T. (1991). *How college affects students: Findings and insights from twenty years of research*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Pascarella, E. T. (1997). College's influence on principled moral reasoning. *Educational Record*, 78(3-4), 47-55.
- Piaget, J. (1965). *The moral judgement of the child* (M. Gabain, Trans.). New York: Free Press.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). *KBSM: Huraian sukatan pelajaran pendidikan moral – tingkatan empat* (Tidak diterbitkan).
- Rest, J. R., (1979). *Development in judging moral issues*. Minneapolis: University of Minnesota Press.
- Rest, J. R., Narvaez, D., Thoma, S. J., & Bebeau, M. J. (1999). DIT2: devising and testing a revised instrument of moral judgement. *Journal of Educational Psychology*, 91, 644-659.
- Rest, J. R., & Narvaez, D. (1998b). *Guide for DIT-2*. Minneapolis, MN: Center for the study of Ethical Development.
- Rest, J. R. (1986). *Moral development: Advances in research and theory*. New York: Praeger.
- Saedah Siraj. (2002). Perancangan pembelajaran pendidikan agama. *Ucap utama sub tema-1 persidangan kebangsaan pendidikan agama 2002*. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 7-9 September 2002.
- Skinner, B. F. (1971). *Beyond freedom and dignity*. New York: Knopf.